

**TEKS UCAPAN
Y. BHG. DATUK REKTOR**

**SEMPENA
MAJLIS DIALOG ISU-ISU SEMASA
BERSAMA
Y.B. MENTERI BELIA DAN SUKAN**

**DI AUDITORIUM SERI NEGERI
30 MAC 2003**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAILUM DAN SALAM
SEJAHTERA**

Y.B. DATO' HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

MENTERI BELIA DAN SUKAN

**Y. BHG. PROF. ISMAIL HASSAN
TIMBALAN REKTOR AKADEMIK**

**Y. BHG. PROF. DR. AZHARI SALEH
TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN DAN
PERANCANGAN KORPORAT**

Y. BHG. DR. ADHA BABA

**PEGAWAI KHAS KEPADA Y.B. MENTERI
BELIA DAN SUKAN MERANGKAP
PENGERUSI BIRO PENDIDIKAN
PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DAN DEKAN-
DEKAN**

**BARISAN KEPIMPINAN MPP DAN SRM
MAHASISWA KUTKM**

**DAN PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI
SEKELIAN,**

**ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA
SEKALI LAGI KE HADRAT ILAHI KERANA
DENGAN KURNIA DAN INAYAHERNYA DAPAT**

**KITA BERKUMPUL BERSAMA-SAMA
DENGAN Y.B. MENTERI BELIA DAN SUKAN
KITA, BAGI SATU LAGI MAJLIS YANG
TIDAK KURANG PENTINGNYA IAITU
MAJLIS DIALOG ISU-ISU SEMASA
BERSAMA PEMIMPIN.**

**UCAPAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI
KUTKM UCAPKAN BUAT Y.B. DATO'
HISHAMMUDDIN KERANA MELUANGKAN
SEDIKIT LAGI MASA BUAT KITA SEMUA
BAGI MENYAMPAIKAN SEDIKIT SEBANYAK
MAKLUMAT MENGENAI ISU-ISU SEMASA
YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA BAIK
DI DALAM MAHUPUN DI LUAR NEGARA.**

**Y.B. DATO' DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,
UNTUK MAKLUMAN Y.B. DATO', MAJLIS
DIALOG ISU-ISU SEMASA BERSAMA
PEMIMPIN INI ADALAH MERUPAKAN SATU
AGENDA TETAP DI KUTKM.**

**SETIAP TAHUN, KITA AKAN MENJEMPUT
BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN BAIK DI
PERINGKAT PUSAT MAHUPUN DI
PERINGKAT NEGERI UNTUK TURUN KE
KUTKM BAGI MAJLIS SEBEGINI.**

**SECARA PERIBADI, SAYA MENGANGGAP
IANYA ADALAH SATU MAJLIS YANG
PENTING ATAS BEBERAPA SEBAB.**

**YANG PERTAMA, MAJLIS SEUMPAMA INI
MERUPAKAN KESEMPATAN TERBAIK BAGI
DUA PIHAK, IAITU BARISAN KEPIMPINAN
KERAJAAN DAN WARGA KUTKM, BERAMAH
MESRA ANTARA SATU SAMA LAIN.**

**INI JUGA ADALAH ANTARA PLATFORM
YANG MAMPU MENGHIMPUNKAN DUA
BARISAN KEPIMPINAN, KINI DAN AKAN
DATANG, UNTUK BERTUKAR-TUKAR
FIKIRAN DAN PANDANGAN.**

**APABILA INI BERLAKU SECARA
BERTERUSAN, IANYA AKAN SECARA TIDAK
LANGSUNG MENUTUP SEGALA RUANG
PELUANG PIHAK-PIHAK TERTENTU**

**MEMAINKAN DAN MENJALANKAN
DAKYAH-DAKYAH MEREKA.**

Y.B. DATO' DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,

**ISU-ISU SEMASA SEPERTI MENGENAI
SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)
MISALNYA TELAH MENJADI SATU POKOK
PERBINCANGAN YANG HEBAT KHUSUSNYA
DI KALANGAN PIHAK-PIHAK TIDAK
BERTANGGUNGJAWAB.**

**WALAUPUN TUJUAN DAN HASRAT
KERAJAAN DALAM HAL INI ADALAH
UNTUK MEMBELA NASIB PELAJAR-
PELAJAR MELAYU BELAJAR DI SANA,
IANYA TELAH DISALAHTAFSIRKAN.**

**ALHAMDULILLAH, WALAUPUN ADA PIHAK
CUBA MEMPOLITIKKAN ISU INI, PIHAK
KERAJAAN TELAH BERJAYA
MENANGKISNYA DENGAN BAIK
SEKALIGUS MEMATIKAN SEGALA HUJAHAN
PIHAK-PIHAK INI.**

**TINDAKAN SEBEGINI DIRASAKAN PERLU
DIPANJANGKAN SEHINGGALAH KE AKAR
UMBI TERUTAMANYA OLEH BARISAN
KEPIMPINAN KERAJAAN SUPAYA
MAKLUMAT YANG DIPEROLEHI ADALAH
SECARA "FIRST HAND".**

**DAN SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG
DIANGGAP SEBAGAI SUARA RAKYAT
DUNIA KETIGA, PERBINCANGAN**

**MENGENAI ISU-ISU ANTARABANGSA
TIDAK DAPAT DIELAKKAN.**

**JUSTERU ITU, PENDIRIAN KERAJAAN
MENGENAI SESUATU ISU, SEBAGAI
CONTOH, PENENTANGAN KITA TERHADAP
PENCEROBOHAN AS KE ATAS IRAQ HARUS
DISAMPAIKAN KEPADA SEMUA RAKYAT
MALAYSIA.**

**KITA MERASA LEGA DAN GEMBIRA
KERANA SELURUH WAKIL RAKYAT DI
DEWAN RAKYAT MENGENEPIKAN SEGALA
PERBEZAAN IDEOLOGI MENYOKONG
RESOLUSI YANG DIBENTANGKAN OLEH
Y.A.B. PERDANA MENTERI KITA.**

Y.B. DATO' DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,

**SEBAB YANG PALING PENTING BAGI
MAJLIS SEUMPAMA INI DIJALANKAN
ADALAH KERANA KITA MENYEDARI
BAHAWA MAHASISWA MERUPAKAN
GOLONGAN YANG PALING BERPENGARUH
DI KALANGAN MASYARAKAT.**

**APATAH LAGI SEBAGAI GOLONGAN YANG
BERILMU DAN TERPELAJAR, MEREKA INI
MAMPU MENJADI "OPINION LEADER"
KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT.**

**OLEH ITU, MEREKA HARUS DIBEKALKAN
DENGAN MAKLUMAT YANG BENAR DAN
TEPAT BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA**

MENJADI "CHANGE AGENT" YANG BERKESAN BAGI PIHAK KERAJAAN.

BUKAN ITU SAHAJA, KAMI SEBAGAI KAKITANGAN KERAJAAN JUGA MEMERLUKAN MAKLUMAT SEUMPAMA INI BAGI MEMBOLEHKAN KAMI MEMBENTUK PARA PELAJAR MENGIKUT ACUAN YANG DIINGINKAN OLEH KERAJAAN.

MELIHATKAN KEPADA KEPENTINGAN INILAH, INSYAALLAH SAYA SECARA PERIBADI AKAN MEMASTIKAN MAJLIS SEUMPAMA INI MENJADI AGENDA TETAP KUTKM.

HARAPAN KAMI DI SINI AGAR UNDANGAN SEBEGINI TIDAK AKAN DIHAMPAKAN OLEH BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN KERANA DENGAN CARA INI SAHAJALAH KITA SAMA-SAMA DAPAT MEMIKUL AMANAH YANG BERAT INI.

SEKIAN, WABILLAHl TAUFIK WAL HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WBKTH.